

# Warta 99 KONVO 99

07

SEPT 24

## GRADUAN UITM CAWANGAN PERAK GAH DI PERSADA GLOBAL



Oleh : Annisa' Azlan

**SHAH ALAM, 7 September 2024** - UiTM Cawangan Perak membuktikan bahawa mereka mampu melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang di dalam negara namun sebahagian mereka juga mampu melakar kejayaan dan pencapaian tersendiri di peringkat global.

Dalam sidang konvokesyen bersempena Istiadat Konvokesyen UiTM ke-99 di Dewan Agung Tuanku Canselor, seramai 2149 menerima skrol masing-masing yang disempurnakan penyampaiannya oleh Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin.

Tambah mengujakan buat warga UiTM Perak, sebahagian program yang ditawarkan di kampus berkenaan turut menerima penarafan enam bintang seperti bidang fesyen, perakaunan, dan matematik menerusi Penarafan Indeks Kebangsaan Kebolehpasaran Graduan sebanyak 90 peratus.

Menurut Prof. Datuk Dr. Shahrin, pencapaian yang ditonjolkan ini adalah sesuatu yang membanggakan buat UiTM secara keseluruhan dan ini membuktikan bahawa UiTM sentiasa menekankan aspek kualiti serta memastikan kebolehpasaran graduan sentiasa meningkat sekaligus menjadikan graduan sebagai graduan pilihan majikan bukan sahaja di negara ini malahan di peringkat antarabangsa.

“Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada para graduan, kerana usaha dan kesungguhan yang diberikan akhirnya menghasilkan kecemerlangan yang hari ini. Syabas juga buat ibu bapa dan keluarga yang telah berkorban masa serta keringat sehingga mereka berada pada tahap ini,” ucap beliau.

Dalam sidang semalam, seramai 1,127 graduan dari Kolej Pengajian Seni Kreatif, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, serta Fakulti Perakaunan manakala sidang kesembilan menyaksikan 1,022 graduan dari Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, serta Kolej Pengajian Alam Bina menerima skrol.

Sementara itu Prof Datuk Dr. Shahrin juga menekankan pentingnya usaha gigih dan pengorbanan para graduan yang kini membuahkan hasil. Mereka telah menunjukkan kecemerlangan bukan sahaja dari segi akademik, malah dalam pembangunan sahsiah diri, jati diri, dan kemahiran insaniah.

Beliau turut menjelaskan, UiTM terus komited dalam menghasilkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan juga dilengkapi kemahiran yang relevan dengan kehendak pasaran pekerjaan yang mencerminkan kesungguhan universiti dalam melahirkan graduan yang berdaya saing.

“Kita berhadapan dengan krisis ekonomi, perubahan iklim, kemiskinan dan kepesatan teknologi. Untuk bertahan dan berkembang maju dalam suasana yang tidak menentu ini, negara memerlukan pekerja profesional yang berkemahiran dan cepak, serta memiliki minda yang boleh memacu transformasi,” ujar Profesor Datuk Dr. Shahrin.

Graduan yang diraikan dalam Istiadat Konvokesyen ini diharapkan akan terus menyumbang kepada masyarakat, negara, dan dunia sebagai ikon universiti yang membawa nama UiTM ke persada global.

# “UITM MENJADIKAN SAYA BERSEDIA UNTUK BERSAING DI PERINGKAT GLOBAL”



Oleh : Annisa' Azlan

**SHAH ALAM, 7 September 2024-** Habiskan apa yang telah dimulakan, itulah prinsip utama yang bagi graduan yang berjaya hingga ke menara gading selepas menerima skrol ijazah di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam bersempena Istiadat Konvokesyen ke-99 UiTM.

Nur Syahidaton Umairah Ton Zalani, 25 tahun, kini berkhidmat sebagai *Assets and Operations Consultant* di Syarikat Arup, sebuah syarikat multinasional yang berpusat di Ireland dan terkenal dalam bidang seni bina, kejuruteraan, dan kelestarian.

Sebagai penerima Anugerah Naib Canselor dalam sidang kesembilan, Umairah membuktikan bahawa sistem pendidikan di UiTM sememangnya mempersiapkan graduan untuk bersaing di peringkat global.

Tawaran bekerja di Ireland adalah bukti bahawa UiTM tidak hanya berfokuskan kepada pencapaian tempatan, malah melahirkan graduan yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Turut berkongsi bahawa pada awalnya, Umairah tidak berminat dalam bidang seni bina dan dia pernah menganggap bidang tersebut lebih sesuai

untuk kaum lelaki sahaja namun, sokongan daripada kedua-dua ibu bapanya, terutama ayahnya, Datuk Ton Zalani Haji Mat Darus yang juga antara pemegang jawatan utama di Kementerian Luar Negeri mendorong Umairah untuk terus maju dalam bidang ini.

“Padamulanya, saya menyangkakan saya mohon kerja ini di Malaysia, rupa-rupanya di Ireland. Tetapi saya menganggap ini adalah rezeki, secara tidak langsung saya menerima tawaran kerja ini sebaik sahaja tamat pengajian. Peluang seperti ini takkan datang buat kali kedua membuatkan saya berubah fikiran lalu menerima sahaja tawaran emas ini,” jelas graduan tersebut.

Menurut Umairah, mengekalkan kedudukannya sebagai pelajar cemerlang merupakan cabaran yang terbesar baginya. Sikapnya yang ingin menjadi paling terbaik dalam apa jua bidang yang diceburinya menjadikan cabaran ini sebagai *battle* terbesar dengan diri sendiri.





*Nur Syahidaton Umairah Ton Zalani (tengah) bersama ibu dan ayahnya yang juga merupakan Setiausaha Politik kepada YB Menteri Luar Negeri*

Walaupun kini berkhidmat di luar negara, Umairah tetap berpegang utuh terhadap identiti sebagai anak jati Malaysia.

Graduan tersebut turut mengambil pendekatan positif dengan membawa budaya Malaysia ke Ireland. Ini selaras dengan nilai-nilai yang diterapkan oleh UiTM dalam memelihara dan mempromosikan budaya serta nilai tempatan dalam kejayaan global.

“Tiada kejutan budaya bagi saya kerana saya membawa nama dan budaya Malaysia ke Ireland. Ini adalah bukti bahawa saya anak jati Malaysia. Makan menggunakan tangan pun dikira antara budaya Malaysia, jadi saya ingin bawa nama negara ke persada dunia,” ujar Umairah.

Sikap seperti ini menunjukkan bahawa UiTM bukan sekadar menghasilkan graduan

yang berjaya di pentas global tetapi juga memastikan mereka tetap menghargai dan memelihara akar budaya mereka.

Tambah Umairah, sepanjang pengajiannya, tekanan untuk mengekalkan prestasi cemerlang dapat diatasi dengan adanya sokongan kuat daripada keluarga, terutama nasihat ayahnya yang membantunya kekal kuat. Tahap disiplin dalam menggunakan peluang yang ada mencerminkan semangat UiTM dalam membentuk graduan yang berdedikasi.

UiTM: *Globally Renowned and Locally Rooted* adalah cerminan usaha universiti dalam menyokong graduan untuk mencapai kejayaan tertinggi tanpa melupakan nilai dan budaya tempatan mereka, membuktikan bahawa ia bukan sahaja pusat kecemerlangan pendidikan di Malaysia tetapi juga platform yang mempersiapkan graduannya untuk bersaing dan berjaya di pentas antarabangsa.

# USAHA MENAIKTARAF PERAK GIAT DITERUSKAN



Oleh : Annisa' Azlan



**SHAH ALAM, 7 September 2024** - UiTM Cawangan Perak sememangnya terkenal sebagai antara kampus cawangan terawal yang dibuka selepas kampus utama Shah Alam.

Bermula dengan kampus di anjung, kini UiTM Cawangan Perak boleh berbangga dengan kampus utamanya iaitu di Sri Iskandar di samping kampus di Tapah dan Teluk Intan.

Sebagai bukti pencapaian besar bagi UiTM Cawangan Perak, ia dapat dilihat berdasarkan jumlah graduan yang menerima skrol masing-masing dalam Istiadat Konvokesyen UiTM ke-99 berlangsung di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam, iaitu seramai 2,149 graduan menandakan kampus ini mampu melahirkan graduan yang berdaya saing.

Rektor UiTM Cawangan Perak, Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim, UiTM Cawangan Perak masih utuh berada di kedudukan lima teratas dari segi kejayaan dalam pelbagai pertandingan inovasi, antaranya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa selain inovasi mereka bertumpukan kepada pembelajaran dan projek komuniti, membuktikan komitmen mereka terhadap kelestarian dan keterlibatan masyarakat.

Sudah pasti ia merupakan manifestasi kepada komitmen seluruh tenaga kerja yang telah memainkan peranan penting dalam menggerakkan pelbagai inisiatif bagi memastikan kampus ini terus maju dan relevan dalam bidang pendidikan dan telah mencatatkan pencapaian yang membanggakan dalam pelbagai aspek, menjadikannya salah satu kampus terbaik dalam sistem UiTM.

“Dengan kadar kebolehpasaran graduan mencapai sehingga 90 peratus keatas, UiTM Cawangan Perak terus berusaha untuk melahirkan graduan yang berketerampilan tinggi, bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam bidang keusahawanan,” kata beliau.

Tambah Prof. Madya Dr. Nur Hisham lagi, melalui pelbagai program keusahawanan dan jaringan industri, kampus ini memastikan



# UITM CAWANGAN AN

graduannya dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk memasuki pasaran kerja, atau memulakan perniagaan sendiri. Graduan yang bercita-cita menjadi usahawan juga diberikan sokongan penuh untuk merealisasikan impian mereka.

“Keunikan UiTM Cawangan Perak juga terletak pada usaha pihak kami untuk mengubahnya sebagai sebuah “kampus hijau”, seperti penggunaan *e-scooter* bagi kempen *zero carbon*, kempen kitar semula pakaian dan minyak terpakai sehingga dinobatkan sebagai pemenang *Green Campus* dalam kalangan semua cawangan UiTM,” ujar beliau.

Jelas beliau, kampus ini juga tidak ketinggalan bagi inisiatif dalam bidang penyelidikan. Kampus ini berjaya memperoleh geran penyelidikan berjumlah sekitar RM1.5 juta daripada kerajaan, industri, dan antarabangsa.

Ia termasuklah penerbitan buku mengenai seni bina rumah Kutai yang ditaja oleh Universiti Oxford di United Kingdom, menunjukkan komitmen UiTM Perak dalam menghasilkan penyelidikan berkualiti dan bermanfaat kepada masyarakat global.

Prof. Madya Dr. Nur Hisham juga menyatakan hasrat untuk menjadikan UiTM Cawangan Perak sebagai Smart Campus, dengan menyediakan kemudahan dan teknologi terkini kepada pelajar. Walaupun berdepan dengan kekangan sumber kewangan terutamanya, pihak mereka akan terus komited untuk memberikan yang terbaik kepada pelajarinya.

Beliau juga berharap agar alumni khususnya alumni UiTM Cawangan Perak dapat menyumbang kembali kepada UiTM sambil menasihatkan pelajar terus menggiatkan usaha dalam menjadi graduan yang kompetitif dan berkualiti tinggi.

*Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim,  
Rektor UiTM Cawangan Perak*





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Pejabat Komunikasi Strategik

*Pemain muzik memainkan instrumen alat muzik*

*Detik ibu bapa berswafoto bersama*



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Pejabat Komunikasi Strategik

*Graduan bersama ahli keluarga tercinta*



*Persembahan nyanyian*



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Pejabat Komunikasi Strategik

*Polis bantuan mengawal kenderaan lalu lintas*



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Pejabat Komunikasi Strategik

*Ibu graduan mengemaskan tudung anaknya*